

Bil. S 38

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83{3})

PERINTAH DARURAT (KANUN HUKUMAN JENAYAH) (PINDAAN), 1998

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

Gelaran. 1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Kanun Hukuman Jenayah) (Pindaan), 1998.

Pemasukan bab 308A baru ke dalam Penggal 22. 2. Kanun Hukuman Jenayah adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 308 –

"Membunuh anak. 308A. (1) Mana-mana perempuan yang, dengan sebarang perbuatan atau peninggalan yang disengajakan, menyebabkan kematian anaknya iaitu anak yang berumur 12 bulan ke bawah, tetapi jika pada masa perbuatan atau peninggalan itu ketenteraman fikirannya terganggu kerana dia belum pulih sepenuhnya akibat dari melahirkan anak itu atau kerana akibat dari laktasi (tempoh pengeluaran susu) selepas anak itu dilahirkan, walaupun hal keadaan adalah sedemikian jika tidak kerana bab ini kesalahan tersebut mungkin terjumlah kepada membunuh orang, adalah melakukan kesalahan membunuh anak.

(2) Barang siapa melakukan kesalahan membunuh anak hendaklah dihukum penjara selama suatu tempoh sehingga 10 tahun, dan boleh juga dikenakan denda."

Diperbuat pada hari ini 12 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1419 bersamaan dengan 2 haribulan November, 1998 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM